



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN
(OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
BLOK E7 ARAS 12 PARCEL E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

No Telefon : 03-88832545
No Fax : 03-88895542

Ruj. Kam: (20)d/m.KKM-171/BKP/SURV(047)

Tarikh: 25 Mei 2006

Pengarah Kesihatan Negeri / Wilayah _____

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 1/2006: Keperluan Melaporkan Kejadian Wabak Penyakit Berjangkit.

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keperluan bagi melaporkan sebarang sebarang kejadian / wabak penyakit berjangkit terutamanya yang mempunyai potensi untuk menyebabkan keresahan di kalangan orang awam dan menarik perhatian media.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Dari masa ke semasa kejadian yang luar biasa termasuk kejadian wabak penyakit yang mungkin menarik perhatian orang ramai, akhbar-akhbar atau agensi-agensi lain berlaku di dalam negara kita.
- 2.2 Ada beberapa keadaan di mana Kementerian Kesihatan mendapat maklumat dari pihak akhbar; dan tiada maklumat baru atau pengesahan insiden dapat dibuat oleh Ketua Pengarah Kesihatan atau YB Menteri Kesihatan.
- 2.3 Walaupun sisatan lanjut bagi mendapatkan maklumat sedang dijalankan ke atas kejadian tersebut, '*alert signal*' itu perlu disalurkan kepada pegawai atasan yang bertanggungjawab.

3. TAFSIRAN

Kejadian / wabak penyakit berjangkit yang berpotensi menyebabkan keresahan umum dan menarik perhatian media dikategorikan sebagai:

- i. kejadian yang mempunyai morbidity dan mortality yang tinggi.
- ii. kejadian kes yang berkelompok (*cluster*).
- iii. kematian atau kejadian kes (satu atau lebih) akibat penyakit berjangkit yang tidak diketahui patogen penyebab.
- iv. kejadian yang ada kaitan dengan kejadian luar biasa di luar negara.
- v. kejadian yang berkemungkinan berpunca dari ancaman biologi (*bioterrorism*).

4. TANGGUNGJAWAB MELAPORKAN

- 4.1 Tanggungjawab memaklumkan sebarang kejadian / wabak penyakit berjangkit kepada pihak atasan adalah seperti di lampiran 1.
- 4.2 Sekiranya terdapat kes penyakit berjangkit yang berkemungkinan menyebabkan wabak di hospital, pakar perubatan atau pakar kanak-kanak perlulah memaklumkan kepada Pengarah Hospital masing-masing. Sekiranya ada spesimen yang perlu dihantar kepada IMR atau Mkmal Kesihatan Awam (MKAK), pakar perubatan perlulah memaklumkan kepada makmal berkenaan dan mengambil tindakan yang sewajarnya semasa penghantaran spesimen.
- 4.3 Pengarah Hospital seterusnya perlu memaklumkan kepada Pegawai Kesihatan Daerah masing-masing dan mengarahkan pegawai-pegawai yang mengendalikan kes supaya menotifikasikan kes. Pengarah hospital juga perlu memaklumkan kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) masing-masing.
- 4.4 Pegawai Kesihatan Daerah perlu melaporkan terus kejadian wabak kepada Pengarah Kesihatan Negeri dan menyediakan satu laporan awal. Sesalinan laporan berkenaan hendaklah dipanjangkan kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) dan Pegawai Epidemiologi.
- 4.5 Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) dan Pegawai Epidemiologi pula bertanggungjawab untuk melaporkan kejadian wabak kepada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan Pengarah Kawalan Penyakit dan / atau Command Centre Kawalan Penyakit.
- 4.6 Pengarah Kesihatan Negeri akan seterusnya memberi arahan kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) dan Pegawai Epidemiologi untuk menjalankan verifikasi dan penyiasatan wabak.
- 4.7 Pengarah Kesihatan Negeri juga adalah bertanggungjawab secara terus dan perlu melaporkan kejadian wabak kepada Ketua Pengarah Kesihatan.

- 4.8 Semua kejadian wabak boleh juga dilaporkan terus kepada Command Centre Kawalan Penyakit di talian 03 - 8888 6212 / 6213 atau 013 – 6699700 dan di talian faksimili 03 – 8888 6270.
- 4.9 Walau bagaimanapun, kewujudan carta alir ini tidak menyekat mana-mana pihak untuk mendapat maklumat terus daripada sumber.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan, iaitu pada 25 Mei 2006.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah kawalan Penyakit
Bahagian Kawalan Penyakit
Aras 3, Blok E10,
Parcel E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya.
Tel: 03-88834370

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(DATUK DR. HJ. MOHD ISMAIL BIN MERICAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

**Carta Alir Penyebaran Maklumat
Kejadian / Wabak Penyakit Berjangkit**

